

## **Polisi Privasi Mobile Market Monitor**

Privasi dan keselamatan maklumat peribadi anda (ditakrifkan di bawah) adalah sangat penting bagi kami. Polisi Privasi ini menerangkan apakah maklumat yang kami kumpulkan dan bagaimana kami menggunakan dan berkongsi maklumat ini, serta apakah pilihan yang anda punyai mengenai penggunaan maklumat tersebut. Adalah tanggungjawab anda untuk membaca dan memahami polisi ini. Polisi Privasi ini terpakai kepada semua maklumat yang dikumpul oleh Mobile Market Monitor ("MMM") daripada pengguna aplikasi MMM (yang dikenali sebagai "Aplikasi") dan laman web MMM (yang dikenali sebagai "Laman Web" bersama dengan Aplikasi, serta lain-lain produk, perkhidmatan, laman web dan aplikasi mudah alih yang kami tawarkan bagi pihak diri kami atau orang lain, yang dikenali sebagai "Perkhidmatan").

Sila baca Polisi Privasi ini secara teliti dan hubungi kami jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan. Setiap kali anda mengakses, mendaftar akaun atau menggunakan Aplikasi, Laman Web atau Perkhidmatan kami, ataupun menghantar e-mel kepada kami untuk mendapatkan maklumat, anda dengan nyatanya bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pemindahan dan pendedahan maklumat anda seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini (termasuk pemindahan dan pendedahan maklumat secara rentas sempadan). JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA DAN SYARAT YANG DINYATAKAN DALAM POLISI PRIVASI INI, JANGAN MENGAKSES ATAU MENGGUNAKAN LAMAN WEB ATAU PERKHIDMATAN INI.

Sila ingat bahawa Polisi Privasi ini hanya terpakai kepada maklumat yang dikumpul oleh Perkhidmatan kami. Kami tidak bertanggungjawab atas amalan privasi laman web yang dikendalikan atau dimiliki oleh pihak ketiga, yang mungkin mempunyai amalan privasi dan pengumpulan data yang berbeza daripada MMM, dan kami tidak bertanggungjawab atas tindakan atau amalan pihak ketiga ini, ataupun kandungan pada laman web tersebut. Kami menggalakkan anda agar menyemak polisi privasi di mana-mana laman web pihak ketiga yang anda lawati.

### **Maklumat Peribadi**

Dalam Polisi Privasi ini, "Maklumat Peribadi" secara umumnya merujuk kepada maklumat yang mengenal pasti anda secara peribadi, misalnya nama, alamat e-mel atau nombor telefon anda, dan lain-lain yang tidak dinyatakan di sini. "Maklumat bukan peribadi" adalah maklumat yang berkaitan dengan anda, tetapi tidak

mengenal pasti anda secara peribadi. Walau bagaimanapun, definisi Maklumat Peribadi yang terpakai kepada anda bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang di mana maklumat anda dikumpul, dan ini mungkin termasuk jenis maklumat lain, seperti alamat IP anda.

### **Pengumpulan dan Pemprosesan Data**

Setelah memasang, mengaktifkan atau menggunakan Perkhidmatan kami, maklumat berikut akan dikumpul dan diproses:

- Data Peranti Mudah Alih - Teknologi MMM, yang dibangunkan untuk tujuan kajian pola perjalanan, menggunakan sensor dalam peranti mudah alih anda untuk mengumpul data GPS, GSM, Wi-Fi, meter pecutan dan menara sel dari peranti mudah alih anda untuk menentukan lokasi anda sepanjang tempoh kajian. Maklumat ini digunakan untuk menghasilkan peta dan diari aktiviti dalam talian yang anda boleh akseskan, demi menyediakan MMM dengan maklumat tentang perjalanan dan aktiviti harian anda bagi tujuan kajian. Peta dan diari aktiviti dalam talian yang dijana daripada data ini hanya akan ditunjukkan kepada anda, ahli keluarga anda yang telah anda berikan kebenaran, pihak kakitangan MMM dan pihak ketiga yang terlibat secara langsung dengan pengurusan kajian yang berkaitan. Peranti mudah alih anda juga akan menyediakan maklumat tertentu kepada MMM, seperti model peranti keras, versi pelayar web, prestasi bateri, bahasa, sistem operasi, pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan nombor telefon. Kami mungkin perlu menghubungkan maklumat yang khusus kepada peranti anda dengan Maklumat Peribadi anda secara berkala bagi tujuan mengesahkan identiti anda sebagai pengguna dan untuk memeriksa keselamatan pada peranti anda.
- Maklumat yang dibekalkan oleh pengguna - Anda harus membekalkan maklumat tertentu kepada MMM supaya anda dapat menggunakan teknologi MMM. Sebagai contoh, apabila anda mendaftar akaun dalam teknologi ini, anda akan diminta untuk memilih nama pengguna dan kata laluan, mengesahkan lokasi rumah anda atau menyatakan lain-lain lokasi yang sering dilawati, atau memberikan alamat e-mel anda supaya kami dapat menghubungi anda jika anda perlu menetapkan semula kata laluan anda. Walau bagaimanapun, tidak sekali-kali MMM akan memintakan maklumat peribadi yang sensitif, contohnya nombor ID keselamatan sosial atau negara, nombor lesen pemandu atau nombor akaun kewangan.

- Komunikasi langsung dengan MMM - Kandungan daripada sebarang komunikasi langsung anda dengan MMM, sama ada melalui e-mel atau yang lain, akan dikumpul dan disimpan oleh MMM.
- Maklumat yang dibekalkan oleh pihak ketiga - MMM mungkin akan menerima data mengenai anda atau keluarga anda dari penaja kajian atau dari pihak ketiga yang terlibat untuk merekrut individu atau isi rumah untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.
- Maklumat daripada Cookies - Seperti laman-laman web yang lain, laman web kami mengumpul dan menyimpan maklumat tertentu secara automatik. Apabila anda melawat laman web kami, kami mungkin menghantar satu atau lebih "cookies" kepada komputer atau peranti anda untuk memberikan kami maklumat yang berhubungan dengan sumber-sumber trafik laman web kami. Cookies adalah cebisan maklumat kecil yang laman web simpan pada pemacu keras komputer anda apabila anda melawatnya. Kebanyakan pelayar web menerima cookies secara automatik tetapi membolehkan anda mengubahsuai tetapan keselamatan agar anda dapat memilih untuk menerima atau menolak cookies berdasarkan setiap kes yang berasingan. Jika anda tidak ingin menerima cookies, anda harus menukar tetapan pada pelayar web anda.

### **Bagaimana maklumat anda digunakan**

Kami memuat naik data anda kepada pelayan kami melalui sambungan yang selamat dan memprosesnya pada pelayan backend. Dalam pemprosesan data anda, kami membuat kesimpulan mengenai mod perjalanan dan titik persinggahan anda, lalu membentangkan data ini dalam diari aktiviti di laman web kami. Kami kemudian meminta anda untuk menyemak dan melaraskan data anda jika perlu, serta membekalkan beberapa maklumat tambahan mengenai perjalanan dan aktiviti anda. Perancang pengangkutan dan perbandaran akan menggunakan maklumat rumah tangga anda, bersama dengan maklumat daripada pelbagai rumah tangga yang lain, untuk lebih memahami pola perjalanan, corak aktiviti dan keperluan anda, demi menawarkan pilihan yang lebih baik kepada anda.

MMM mungkin akan menghubungi anda melalui maklumat hubungan yang anda bekalkan dan benarkan, seperti e-mel, telefon atau mesej teks, bagi urusan pengendalian kajian ini. Komunikasi ini hanya akan dibuat seperti yang tertakluk kepada kebenaran undang-undang dan bahawa anda telah bersetuju untuk menerima sebarang hubungan dari kami. Kami juga mungkin menggunakan

maklumat peribadi anda bagi tujuan komunikasi pengurusan dari semasa ke semasa.

E-mel yang anda hantar kepada kami melalui pautan e-mel di laman web kami mungkin akan dikongsi antara pekerja, pakar atau ejen yang berkemampuan untuk menangani isu anda. E-mel Internet sememangnya kurang selamat, sama seperti mana-mana pembekal e-mel lain, e-mel Internet akan dihantar melalui komputer pihak ketiga, terdapat kemungkinannya pihak ketiga ini membuat salinan kandungan tanpa dikesan. Disebabkan oleh kekurangan perlindungan keselamatan ini, komunikasi e-mel anda mungkin diakses atau dilihat oleh pengguna Internet lain semasa anda menghantar e-mel kepada MMM. Oleh yang demikian, sekiranya anda benar-benar ingin menyulitkan komunikasi anda, sila jangan hubungi MMM melalui e-mel.

### **Perkongsian Data**

Kami mungkin melibatkan atau terlibat dengan penaja kajian, perantara dan rakan perniagaan pihak ketiga untuk melaksanakan perkhidmatan dan fungsi tertentu yang berkaitan dengan pengendalian kajian. Selain itu, penaja kajian juga mungkin melibatkan pihak ketiga untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu yang berkaitan dengan kajian ini, misalnya merekrut peserta baru, mentadbir kajian atau menyediakan bantuan helpdesk kepada peserta kajian. Kami mendedahkan data anda kepada entiti lain hanya apabila diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Semua data kajian akan dibekalkan kepada penaja kajian.

Bagi pengendalian kajian tertentu, sistem kajian mungkin membenarkan lain-lain ahli keluarga anda mengakses data anda di Laman Web kami dan sebaliknya. Namun demikian, peserta kajian lain yang bukannya dari isi rumah anda tidak akan dapat mengakses data anda.

Selanjutnya, MMM akan mendedahkan Maklumat Peribadi anda sekiranya dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, termasuk:

- Seperti yang dikehendaki oleh statut, peraturan, pemerintahan atau undang-undang, sepina, waran geledah, perintah mahkamah atau undang-undang, atau proses undang-undang lain, atau untuk menubuhkan atau melaksanakan hak-hak undang kami atau mempertahankan hak kami terhadap tuntutan undang-undang;

- Apabila MMM percaya bahawa pendedahan Maklumat Peribadi anda adalah wajib bagi tujuan menyasat, menghalang atau mengambil tindakan terhadap aktiviti haram, penipuan yang disyaki, situasi yang melibatkan ancaman kepada keselamatan fizikal seseorang individu, atau keselamatan pengguna kami, Laman Web kami, Perkhidmatan kami atau orang awam, pelanggaran terma penggunaan kami, atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang;
- Jika terdapatnya sebarang perubahan pengurusan dalam perniagaan MMM (sama ada melalui penggabungan, penjualan, atau sebagainya), MMM boleh menyerahkan atau memindahkan Polisi Privasi ini serta akaun dan maklumat peribadi anda kepada mana-mana individu atau entiti yang memperoleh atau digabungkan dengan MMM, dengan syarat bahawa dalam proses penyerahan atau pemindahan ini penerima pindahan bersetuju untuk tertakluk kepada undang-undang mengenai pengumpulan, penggunaan, perlindungan dan pendedahan Maklumat Peribadi. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pengurusan, kami akan menghantar notis kepada anda melalui alamat e-mel yang terakhir anda bekalkan dalam rekod kami; dan
- Kepada pembekal perkhidmatan kami yang bekerja bagi pihak kami dan bersetuju untuk mematuhi peraturan perkongsian, pendedahan dan perlindungan Maklumat Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini.

### **Keselamatan**

Walaupun kami telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk melindungi maklumat anda (termasuk maklumat peribadi anda) daripada kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahsuaian oleh pihak ketiga, namun anda diingati bahawa masih adanya risiko yang terlibat dalam penghantaran maklumat melalui Internet. Terdapat juga risiko bahawa pihak lain cuba menggagalkan atau menggodam sistem keselamatan kami. Oleh itu, walaupun kami berusaha untuk melindungi maklumat anda, kami tidak dapat memastikan atau menjamin secara sepenuhnya keselamatan dan privasi maklumat yang anda hantar kepada kami, dan anda berbuat demikian atas risiko diri anda.

Sila ingat bahawa anda juga memainkan peranan yang penting dalam perlindungan keselamatan data. Jangan berkongsi kata laluan anda dengan sesiapa pun. Jika anda berasa kata laluan anda tidak lagi selamat, anda haruslah menukar kata laluan anda secara serta-merta. Selepas anda selesai menggunakan laman web kami, anda harus

log keluar daripada akaun anda dan tutup pelayar web anda supaya tiada sesiapa yang tidak berkebenaran dapat mengakses akaun anda.

### **Penyimpanan Data dan Pengurusan Maklumat Anda**

MMM akan menyimpan semua data tanpa identiti yang dibekalkan oleh pengguna dan yang dikumpulkan secara automatik daripada pengguna selama-lamanya untuk tujuan penyelidikan. Selain itu, kami akan menyimpan Maklumat Peribadi anda seperti yang diwajibkan oleh undang-undang, dan juga bagi tujuan menyelesaikan sebarang pertikaian dan menguatkuasakan persetujuan di antara kita.

### **Menarik diri**

Anda boleh menarik diri daripada penggunaan teknologi MMM pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda berbuat demikian, anda mungkin tidak memenuhi kehendak kajian yang anda sertai dan oleh itu mungkin tidak berlayak untuk mendapatkan sebarang insentif yang ditawarkan sebagai sebahagian daripada kajian tersebut.

Untuk menarik diri daripada penggunaan teknologi ini, anda boleh melakukan satu atau lebih daripada langkah-langkah berikut:

- Log keluar daripada aplikasi pada telefon anda melalui skrin "log keluar". Ini akan menghentikan semua pengumpulan data sehingga anda log masuk semula.
- Menyahpasang atau memadam aplikasi MMM pada peranti mudah alih anda.
- Jika anda menggunakan Logger, tetapi bukannya telefon, untuk mengambil bahagian dalam kajian, matikan Logger tersebut.
- Selain daripada langkah-langkah di atas, anda juga boleh menghubungi MMM melalui "Permintaan untuk menarik diri" di [support@mobilemarketmonitor.com](mailto:support@mobilemarketmonitor.com). Kami akan mengendalikan permintaan anda.

### **Bagi pengguna antarabangsa yang berada di luar Amerika Syarikat**

Seperti yang anda tahu, Internet beroperasi secara global dan pemindahan data anda adalah diperlukan untuk memproses pendaftaran dan penggunaan anda di Laman Web dan Perkhidmatan kami, untuk menyediakan maklumat terkini, dan untuk bertindak balas kepada pertanyaan anda. Oleh yang demikian, pengumpulan dan pemrosesan Maklumat Peribadi anda melalui Internet melibatkan penghantaran data secara antarabangsa, atau merentas sempadan. Apabila anda mendaftar akaun atau menggunakan Laman Web atau Perkhidmatan kami, dan / atau apabila anda berkomunikasi dengan kami melalui e-mel, anda mengakui dan memberi persetujuan kepada pemrosesan dan pendedahan Maklumat Peribadi

anda dalam cara ini.

Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang MMM kumpulkan, termasuk Maklumat Peribadi anda, boleh dipindahkan ke, dan diproses, disimpan dan digunakan di Amerika Syarikat mengikut undang-undang Amerika Syarikat. Undang-undang perlindungan data di Amerika Syarikat mungkin berbeza daripada negara di mana anda berada, dan Maklumat Peribadi anda mungkin tertakluk kepada permintaan akses daripada kerajaan, mahkamah dan penguatkuasaan undang-undang di Amerika Syarikat mengikut undang-undang di Amerika Syarikat .

Apabila anda mengakses, mendaftar akaun atau menggunakan Laman Web atau Perkhidmatan kami, menghantar e-mel kepada kami, atau mendaftar untuk kemas kini e-mel, dengan nyatanya anda bersetuju dengan pendedahan Data Peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan dan subkontraktor pihak ketiga bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini.

#### **Pindaan kepada Polisi**

Kami mungkin menggubal Polisi Privasi ini dari semasa ke semasa. Kami akan menyiarkan sebarang perubahan ini di halaman kami dan mengemas kini tarikh pengubahsuaian Polisi Privasi. Jika pengubahsuaian adalah ketara, berdasarkan budi bicara kami, kami akan menghantar notis yang lebih menyerlah di laman utama laman web ini. Anda bersetuju bahawa akses secara berterusan atau penggunaan Perkhidmatan kami selepas pemberitahuan pindaan Polisi Privasi akan dianggap sebagai penerimaan afirmatif anda terhadap apa-apa perubahan dan persetujuan anda kepada terma-termanya. Jika anda tidak bersetuju dengan pindaan Polisi, anda boleh menghentikan penggunaan Perkhidmatan kami.

#### **Hubungi kami mengenai sebarang soalan, komen, aduan, notis atau pertikaian**

Jika anda mempunyai sebarang soalan, komen, aduan atau masalah, atau jika anda percaya bahawa hak-hak privasi anda telah dilanggar, anda boleh menghantar e-mel kepada kami di [support@mobilemarketmonitor.com](mailto:support@mobilemarketmonitor.com).

Kali terakhir dikemas kini dan diperkuatkan pada 10 Februari 2016.